

13/05/1997

Umno benteng identiti, politik Melayu

UMNO yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946 di Istana Besar, Johor Bahru menyambut ulang tahun penubuhannya kelmarin. Dari segi strukturnya Umno yang ditubuhkan 51 tahun lalu tetap mantap. Perubahan hanya berlaku di segi pendekatan. Jika ketika peringkat awal Umno ditubuhkan untuk berjuang menentang Malayan Union, hari ini Umno berjuang untuk meletakkan status negara ke tahap lebih tinggi setanding kuasa gergasi dunia. Bukanlah sesuatu yang mustahil matlamat perjuangan ini dicapai jika seluruh tenaga dan kekuatan politik ditumpukan ke arah menentukan kejayaan bangsa dan negara. Malah, perjuangan menjadi lebih mudah disebabkan orang Melayu yang turut mendapat sokongan kaum lain, sudah bersedia untuk bersaing di pasaran terbuka. Di peringkat politik tanah air, kita rasakan kejayaan paling besar ialah perjuangan Umno difahami oleh kaum lain di negara ini. Mereka bukan saja yakin dengan kejujuran Umno, malah bergantung harapan agar Umno yang menjadi tunggak Barisan Nasional (BN) mengemudikan negara ini ke arah yang lebih cemerlang.

Namun sebagaimana dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perjuangan Umno mestilah mengikut landasan yang betul. Ia perlu mengambil kira kepentingan semasa. Ini kerana ada unsur yang menunjukkan perjuangan ketika Umno ditubuhkan tidak sama seperti perjuangan hari ini yang penuh cabaran. Kita perlu akui ketika berusaha mengorak langkah lebih jauh, kita juga disogokkan dengan pelbagai rintangan kesan akibat kemajuan. Jika perjuangan dulu berbekalkan semangat, perjuangan hari ini mencorakkan bibit sikap tamak sesetengah pihak. Ciri tidak sihat seperti gejala rasuah mula menjadi ancaman, walaupun ia masih boleh dikawal. Kita tidak mahu rasuah mengajar manusia meletakkan kekuasaan kepada kekayaan.

Adalah malang sekali ketika Umno cuba meningkatkan taraf hidup masyarakat, kita dihantui oleh gejala rasuah, politik wang dan sebagainya. Ketika Umno membawa orang Melayu bergiat dalam bidang ekonomi secara aktif, orang Melayu menampakkan ciri materialisme luar batasan. Meningkatnya sikap materialisme akan hanya mengurangkan sikap idealisme. Wang sudah dijadikan alat untuk mencari pengaruh. Semua ini adalah unsur yang hanya akan membawa padah kepada bangsa dan negara. Ini bukanlah sebenarnya perjuangan Umno. Resolusi daripada pelbagai Kongres yang dianjurkan bercanggah dengan apa yang dilakukan oleh sesetengah anggota dalam Umno hari ini. Seboleh mungkin kita mahu mewujudkan masyarakat yang bersih, sesuai dengan tuntutan agama.

Kita berharap sempena ulang tahun penubuhan Umno kali ini, akan wujud perubahan sikap sesetengah orang Melayu yang selama ini mungkin lupa bahawa mereka berpijak di sebuah negara yang mempunyai maruah dan tinggi keperibadian bangsanya. Apa yang mengecewakan, masalah rasuah diperkatakan ketika kedudukan ekonomi orang Melayu mulai menunjukkan kejayaan. Gambaran negatif yang disimpulkan kepada kita ialah seolah-olah orang Melayu tidak bijak menggunakan kuasa dan kekayaan. Pada kita, Umno sebagai parti yang bertanggungjawab tidak boleh menerima celaan buruk kerana ia adalah tulang belakang pemerintahan negara. Oleh itu, untuk mengelakkan sebarang tohmahan, Umno perlu dari awal lagi mengambil langkah pencegahan. Kita yakin ini boleh dilakukan.

Umno, sebagai parti besar dan tonggak kerajaan, perlu menghindarkan pandangan buruk akibat gejala yang bertentangan dengan budaya bangsa terutamanya ketika arus perjuangan daripada menegakkan kemerdekaan sudah

berubah kepada perjuangan bersifat global. Selepas bertungkus-lumus menjalani proses pembentukan generasi baru yang kian kuat, tentunya kita tidak mahu masyarakat kita dirobuhkan dengan sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab, keadaan keluarga yang porak-peranda, meningkatnya kejadian jenayah dan sebagainya.

Dr Mahathir menarik perhatian bahawa Umno hari ini perlu melihat masalah sosial yang melanda masyarakat. Beliau tidak mahu setiap mereka yang cintakan Umno lupa tanggungjawab kepada bangsa sedangkan Umno adalah parti yang mempunyai cita-cita kebudayaan, maruah bangsa dan nilai murni yang perlu dipertahankan. Jika gejala sosial melanda tanpa kawalan, imej rakyat negara akan teruk terjejas. Umno seharusnya berada di barisan depan untuk menentang segala sikap buruk rakyat yang boleh memberi kesan negatif jangka panjang kepada negara. Umnolah yang kita harap-harapkan untuk mempertahankan kewibawaan identiti dan politik Melayu bagi menghadapi sebarang cabaran akan datang.

(END)